

KUALA KANGSAR, 14 SEPTEMBER (BERNAMA) — SIKAP POSITIF TERHADAP PELAJARAN SAINS DAN TEKNOLOGI HARUS ADA DI KALANGAN IBUBAPA, GURU DAN MURID-MURID JIKA MAHU MENCAPAI KEMAJUAN DALAM BIDANG ILMU PENGETAHUAN TERSEBUT.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, FAKTOR UTAMA UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN YANG TINGGI DALAM MANA-MANA BIDANG ILMU PENGETAHUAN MEMERLUKAN SEMUA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMPUNYAI SIKAP INI.

SEBALIKNYA JIKA MURID ATAU IBUBAPA TIDAK PERCAYA TERHADAP PENGETAHUAN SAINS, KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KERAJAAN UNTUK PELAJARAN ITU AKAN SIA-SIA.

BELIAU BERPENDAPAT USAHA MENYEMAI SIKAP INI DAPAT DILAKUKAN MENERUSI PERSATUAN IBUBAPA.

DR. MAHATHIR BERUCAP DI UPACARA HARI UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH DAN PEMBUKAAN BANGUNAN BILIK DARJAH SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN CLIFFORD DI SINI. --
BERSAMBONG 1315/IK

551

SAINS 2 KUALA KANGSAR

BELIAU MAHU PERSATUAN IBUBAPA SELALU MENGADAKAN MAJLIS-MAJLIS DIALOG UNTUK BERTUKAR-TUKAR FIKIRAN SELAIN DARIPADA MENGADAKAN USAHA Mencari BANTUAN UNTUK KEBAJIKAN MURID-MURID YANG KURANG BERNASIB BBAIK.

DR. MAHATHIR BERKATA, DENGAN KERJASAMA YANG LEBIH ERAT DAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH LUAS DIKALANGAN IBUBAPA, GURU-GURU DAN KERAJAAN, NEGARA AKAN BERJAYA MEWUJUDKAN SATU MASYARAKAT YANG BERSATUPADU, PROGRESIF DAN BERTANGGUNGJAWAB.

BELIAU MEMBERITAHU MULAI TAHUN DEPAN SEMUA SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN INGGERIS AKAN MENJADI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN SEPENUHNYA KERANA SEMUA MATAPELAJARAN KECUALI BAHASA INGGERIS AKAN DIAJAR DALAM BAHASA MALAYSIA.

PADA TAHUN DEPAN JUGA HANYA KELAS PERALIHAN DALAM BAHASA MALAYSIA SAHAJA AKAN DIADAKAN UNTUK MURID-MURID DARI SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN CINA DAN TAMIL.

KATANYA, PADA TAHUN 1976 SEMUA TINGKATAN SATU DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KERAJAAN AKAN DIADAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA. --BERNAMA 1320/IK